

14 MAR 2002

Mara-Kampus

"INSTITUT TEKNOLOGI PENERBANGAN MALAYSIA" TAJAAN MARA SUDAH SIAP

DENGKIL, 14 Mac (Bernama) -- Kampus baru Institut Teknologi Penerbangan Malaysia (MIAT), sebuah lagi institusi pengajian tinggi tajaan Majlis Amanah Rakyat (Mara), telah siap dibina di sini mengikut jadual.

Ketua Pengarah Mara Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff berkata projek yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memajukan bidang aviasi negara, bersedia menerima pelajar Julai ini.

Kampus baru itu dapat menampung 200 pelajar sedia ada yang kini ditempatkan di kampus sementara di Jasin dan Bangi serta 200 lagi pelajar bagi sesi pengajian bermula Julai, katanya.

"Bernilai RM143.7 juta, kampus seluas 20 hektar itu boleh menampung kira-kira 1,000 pelajar pada satu-satu masa," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan bangunan kampus itu kepada Mara oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di Kampung Jenderam Hulu dekat sini.

Pada majlis itu, Mohd Mydin menandatangani dokumen penyerahan bersama-sama Ketua Pengarah JKR Datuk Zaini Omar dan Pengarah Techart Sdn Bhd Datuk Onn Hamzah. Techart merupakan kontraktor utama bagi projek itu.

Mohd Mydin berkata pembinaan MIAT dicetuskan oleh Dr Mahathir semasa Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) pada 1997 dan kampus itu akan dikendalikan dengan kerjasama Northrop Rice Institute Amerika Syarikat.

Beliau berkata buat masa ini MIAT menawarkan kursus peringkat sijil dan diploma dalam bidang baik pulih pesawat, Avionics, Komposit dan pembuatan komponen dan akan menawarkan kursus di peringkat sarjana dua tahun lagi.

Semua kursus yang ditawarkan itu diiktiraf oleh Jabatan Penerbangan Awam dan usaha sedang dilakukan bagi mendapatkan pengiktirafan daripada Federal Aviation Administration (FAA) Amerika Syarikat serta beberapa pihak berkuasa penerbangan lain di negara-negara Eropah, katanya.

Mohd Mydin berkata institusi pengajian tinggi Mara yang lain termasuk Institut Kejuruteraan Kimia Malaysia (MICET) yang sedang dalam peringkat akhir pembinaan, Institut Malaysia-Sepanyol yang dijangka siap Ogos tahun depan dan Institut Teknologi Kejuruteraan Marin Malaysia (MIMET) yang pembinaannya akan dimulakan Jun ini.

Katanya institusi pengajian tinggi Mara yang sudah beroperasi ialah Institut Malaysia-Jerman, Institut Malaysia-Perancis dan Institut Malaysia-British.

-- BERNAMA

AKT ZS RHM